

**PERPUSTAKAAN
FAKULTI ALAM BINA**



**SISTEM PENGURUSAN DAN AGIHAN PENDAPATAN (TABUNG)
PROGRAM HOMESTAY FELDA SEMENCHU**

SITI ZAWANI BINTI RADZI

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar Dan Wilayah

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2009

ABSTRAK

Kajian sistem pengurusan dan agihan pendapatan (tabung) Homestay FELDA Semenchu akan memperincikan aspek-aspek berkaitan dengan sistem pengurusan dan pengagihan semasa dana tabung yang diwujudkan. Matlamat kajian ini adalah untuk mencadangkan satu sistem pengurusan dan agihan pendapatan yang cekap kepada Homestay Semenchu. Homestay Semenchu mempunyai 4 jenis tabung iaitu Tabung Homestay, Tabung Persatuan Silat Semenchu, Tabung Wanita dan Tabung Budaya. Dana dalam tabung-tabung ini adalah dikumpul melalui potongan komisen daripada bayaran pakej homestay dan juga hadiah kemenangan daripada pertandingan-pertandingan yang telah dimenangi. Direkodkan, dana yang terkumpul di dalam tabung-tabung tersebut adalah melebihi RM50,000. Untuk mencapai matlamat kajian, pendekatan kualitatif dan kuantitatif telah digunakan untuk mengumpul maklumat. Oleh itu kaedah temubual separa berstruktur dan borang soal selidik telah dilakukan ke atas 30 orang responden. Analisis adalah menfokuskan kepada bagaimana pengurusan dana tabung dibuat, bagaimana agihan penggunaan dana tabung dilaksanakan serta tahap kepuasan peserta terhadap pengurusan dana tabung semasa. Hasil daripada itu, penemuan utama kajian adalah didapati ketidakcekapan dalam mentadbir dana tabung telah berlaku di Homestay Semenchu yang disebabkan tiada perancangan oleh pihak pengurusan. Sementara itu juga, timbul ketidakpuasan hati di kalangan peserta berkaitan dengan agihan kegunaan dana tabung yang dilihat pembahagiannya tidak seimbang. Oleh hal demikian, kajian ini telah mencadangkan beberapa cadangan untuk meningkatkan tahap pengurusan dana ke arah mengurus dana yang lebih cekap dan menguntungkan. Dana di dalam tabung-tabung seharusnya digunakan mengikut kadar pendapatan yang diperolehi berdasarkan tiga kriteria pendapatan iaitu pendapatan rendah, pendapatan sederhana dan juga pendapatan tinggi. Sebagai contoh pendapatan tinggi boleh digunakan untuk dilaburkan di dalam skim-skim kewangan dan perlu membina atau membeli harta (property) seperti rumah kedai dan membuat caruman di dalam Koperasi FELDA untuk meningkatkan pegangan ekuiti peserta pada jangka masa panjang.

ABSTRACT

The research of the management system and income distribution (fund) from Homestay Felda Semenchu tries to discuss pertaining the management system and distribution of the funds usage. The goal of the study is to propose the efficiency of management system and income distribution in Homestay Felda Semenchu. Semenchu's Homestay has established four funds which are Homestay Fund, Association of Silat Semenchu Fund, Women Association Fund and Culture Fund. The income of the funds is raised from the commission of the Homestay package fees and reward from the winning series of kampung competitions. To date, Homestay Semenchu manage to saving more than RM50,000. This study applied the qualitative and quantitative methods as a study approach using semi structure interviews and surveys. The analysis is focusing on how they manage the income (fund), distribution system to the locals and level of the satisfaction among local to the fund management. Hence, the main findings of the study reveals that the case study facing a problem of inefficiency in terms of the funds. The management has no vision to expend the funds causing the unsatisfied among the locals to the current management. To solve the matter, this study suggesting recommendation to expand the funds to be more profitable and the need for the management's to review the current usage of the funds. The recommendations can be classes into three levels which are low income, moderate income and high income. For example in terms of income management have to invest for better financial scheme model, investing on properties such as shop houses and established FELDA Koperasi to increase the local's equity for the future in the FELDA development.